



**DR. JALALUDDIN HARUN (kanan) dan Timbalan Pengarah Kastam Negeri Selangor, Ahmad Fuad Shaharuddin memeriksa kayu balak yang berjaya dirampas di Pelabuhan Klang, semalam. - UTUSAN/YAZID ALIAS**

## Cubaan seludup balak RM8.2 juta dipatah

10/10

UM-5

**KLANG 9 Okt.** - Sebanyak 22 kes penyeludupan kayu balak bernilai kira-kira RM8.2 juta berjaya dibongkar oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dalam tempoh 10 bulan tahun ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Jalaluddin Harun berkata, kejayaan itu adalah hasil risikan serta pemantauan aktif oleh Unit Penguatkuasaan MTIB serta kerjasama daripada pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Katanya, kebanyakan pihak yang terlibat didapati membuat pengisytiharan palsu terhadap barangan yang hendak dieksport ke luar negara.

"Daripada kes-kes berkenaan, kebanyakan mereka cuba membawa keluar (eksport) kayu larangan iaitu balak bulat ke luar negara. Malah, kebiasaannya mereka mengisytiharkan barangan itu sebagai kayu gergaji.

"Dalam undang-undang negara ini, pengeksporan balak bulat membabitkan apa-apa spesies adalah dilarang. Larangan itu dibuat menerusi Buletin Eksport Kayu-Kayan (TEB) 2/87 : Sekatan Keatas Eksport Kayu Gergaji dan Keluaran Kayu pada 14 Mei 1990.

"Mana-mana pelanggaran sekatan tersebut boleh didakwa di

bawah Akta 105 Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 iaitu dikenakan hukuman kompaun RM250,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Pada masa sama, Dr. Jalaluddin menyatakan bilangan kes penyeludupan balak bulat pada tahun ini didapati meningkat sebanyak empat kes berbanding tahun lalu yang hanya mencatatkan 17 kes dengan nilai barangan sebanyak RM5 juta.

Menurutnya, pertambahan itu berkemungkinan disebabkan permintaan yang tinggi terhadap balak bulat terutamanya dalam penghasilan kulit kayu atau venier serta papan lapis.

"Malaysia telah membuat larangan terhadap pengeksporan balak bulat. Sebaliknya, kita membenarkan pengeksporan kayu gergaji atau papan lapis yang mampu memberi nilai tambah kepada industri perindustrian negara," ujarnya.

Terdahulu, beliau turut memaklumkan kejayaan MTIB mematahkan cubaan penyeludupan 133 batang balak bulat jenis keruing oleh sebuah syarikat papan lapis dari Pahang.